

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Kuala Nerus: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) melalui Unit Transfusi Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) menyasarkan kutipan 30 hingga 50 beg darah sehari pada Ramadan ini.

Pengaruhnya Datuk Dr Kasemani Embong berkata, pihaknya merancang program derma darah di lebih 30 masjid terpilih seluruh negeri yang akan dijalankan selepas solat tarawih.

Menurutnya, ia bagi memastikan bekalan darah di HSNZ sentiasa mencukupi untuk pelbagai kegunaan termasuk pembedahan dan kes kecemasan.

"Purata penggunaan darah di Terengganu sekitar 50 beg sehari manakala stok semasa yang ada sebanyak 685 beg.

"Jumlah ini cukup untuk menampung kegunaan bagi tempoh dua minggu. Oleh itu, kita perlu adakan aktiviti derma darah pada bulan Ramadan untuk pastikan bekalan sentiasa cukup," katanya.

Sasar 50 beg darah sehari pada Ramadan

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Derma Darah dan Mass Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR) sempena Sambutan Hari Pembantu Kesihatan Peringkat Negeri Terengganu 2023, di sini, semalam.

Pada program itu, JKNT turut menyampaikan sijil penghargaan kepada penderma darah terbanyak Terengganu, Zakaria Omar, 48, yang sudah menderma

darah sebanyak 219 kali.

Zakaria yang bertugas sebagai anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) berkata, beliau mula menderma darah pada 1995 ketika berusia 20 tahun.

Menurutnya, pada mulanya dia hanya menderma darah secara suka-suka sebelum timbul kesedaran dan kegembiraan apabila dapat membantu insan memerlukan.



DARAH yang sudah didermakan menerusi Program Derma Darah dan Mass CPR di Dewan Perdana Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NEGERI

Galakkan orang ramai derma darah selepas tarawih



Dr Kasemani (dua dari kanan) melawat ruangan derma darah pada Program Derma Darah dan Mass CPR di Dewan Perdana Al-Wathiqu Billah di Kuala Nerus pada Isnin.

KUALA NERUS - Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) bersama Unit Transfusi Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) akan memperkasakan kempen derma darah selepas solat tarawih yang bakal dilaksanakan di masjid-masjid di seluruh negeri.

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, pelaksanaan kempen tersebut bagi membantu menampung bekalan darah yang dijangka berkurangan sepanjang

Ramadan kali ini.

"Pada bulan puasa biasanya tidak ramai orang yang datang untuk menderma darah, jadi kita bercadang untuk melaksanakan kempen derma darah selepas tarawih.

"Setakat ini lebih 30 buah masjid yang telah bersedia untuk melaksanakan program derma darah ini. Kita jangka ia dapat mengumpulkan kira-kira 30 hingga 50 pek darah dalam sehari," katanya.

Bellau ditemui pemberita se-

lepas menghadiri Program Derma Darah dan Mass CPR sempena Hari Pembantu Perubatan peringkat negeri di Dewan Perdana Al-Wathiqu Billah di sini, pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Unit Transfusi Darah HSNZ, Dr Muhaimin Kambali.

Dalam pada itu, Dr Kasemani berkata, bekalan darah di Terengganu mencukupi berdasarkan keperluan penggunaan 50 pek dalam sehari untuk seluruh hospital di negeri itu.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Ramadan blood donation drive bnt6

KUALA NERUS: The Terengganu Health Department via the Sultanah Nur Zahirah Hospital blood transfusion unit aims to collect between 30 and 50 bags of blood a day during the coming month of Ramadan.

State health director Datuk Dr. Kasemani Embong said in this regard, the department is planning to hold a blood donation drive at more than 30 selected mosques statewide.

She said this was to ensure that the Sultanah Nur Zahirah Hospital had sufficient blood supply.

"On average, the state needs around 50 bags of blood a day and the current stock stands at 695 bags, which is enough for two weeks.

"Therefore, we need to hold blood donation programmes during Ramadan to ensure that there is adequate supply." - Bernama